




AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 17 BILANGAN 9 RABU 1 MACH 1972 1392 ربيع 15 محرم PERCHUMA



DY.M.M. Paduka Seri Baginda Queen dan D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan bergambar ramai di-Istana Darul Hana sebagai kenangan sa-masa keberangkatan Baginda dan rombongan ka-Brunei.

Berdiri di-belakang dari kanan ialah Lord Mountbatten, Y.T.M. Prince dan Y.T.M. Princess Anne.

Di-sebelah kiri Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan ialah D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan, D.Y.T.M. Paduka Seri Suri Begawan Raja, Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Muda Mohamad Bolkiah dan Y.T.M. Seri Paduka Duli Pg. Muda Sufri Bolkiah.

Berdiri di-sabelah kanan D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Queen ialah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Raja Isteri, Y.T.M. Pengiran Anak Puteri Masna, Y.T.M. Pengiran Anak Zariah dan Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Muda Jefri Bolkiah.

Majlis di-kapal Britannia

PEKAN MUARA. — D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Queen malam semalam telah mengadakan satu majlis santapan di-atas Kapal Diraja Britannia di-Muara, sa-bagai mengakhiri lawatan baginda sa-ma sa-hari ka-negeri ini.

D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, disertai oleh D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Raja Isteri, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Suri Begawan Raja telah di-alukan2 keberangkatan tiba baginda di-Kapal Diraja Britannia oleh Baginda Queen.

KEBERANGKATAN BAGINDA QUEEN KA-BRUNEI MEMBOKTIKAN KEKUKOHAN PERSAHABATAN BRUNEI/BRITAIN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei dalam titah mengalu2kan keberangkatan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen Elizabeth II ka-negeri ini semalam telah mensifatkan keberangkatan Baginda itu sa-bagai satu penghargaan yang amat tinggi nilai-nya.

Baginda melapadzkan titah demikian di-istiadat mengadap kerana mengalu2kan keberangkatan rombongan Diraja itu di-Lapau Bandar Seri Begawan.

Baginda bertitah: "Keberangkatan Paduka Kakanda serta Yang Teramat Mulia Paduka Kakanda Prince Philip, Duke of Edinburgh dan Paduka Anakda Princess Anne ada-lah merupakan suatu tanda penghormatan yang amat tinggi nilai-nya kepada negeri Paduka Adinda dan kepada raayat serta penduduk-nya".

Baginda bertitah bahawa sungoh pun Brunei sa-buah negeri kecil tetapi ia-nya ada-lah merupakan salah sa-buah negeri yang sangat mewah dalam lingkungan Komanwel.

Ini ada-lah dengan ada-nya pertolongan yang jujur dari raayat Britain yang telah datang ka-negeri ini untuk memberikan perkhidmatan mereka.

Titah Baginda: "Sejak Negeri Brunei mula2 mengadakan perhubungan dengan Britain dengan izin Allah dan dengan pertolongan yang jujur dari raayat Paduka

Kakanda sendiri yang telah datang ka-negeri ini untuk memberikan perkhidmatan mereka, Brunei telah meniadai apa yang terdapat sekarang".

"Keberangkatan Paduka Kakanda ada-lah merupakan satu lagi tanda bukti kekukohan persahabatan yang mesra lagi mendalam di-antara kedua2 negara kita, yang mana kemeseraan persahabatan

di-antara negara dan raayat Paduka Kakanda telah terchatat dalam sejarah, tertasdek pada hakikat dan terbukti pada pelaksanaan-nya sudah lebeh 100 tahun lama-nya".

Persahabatan yang sangat rapat itu, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan yakin akan terus berjalan dengan kekal abadi.

(Lihat Muka 12)

DARJAH KERABAT YG. AMAT DI-HORMATI UNTUK D.Y.M.M. BAGINDA QUEEN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah mengurniakan bintang kebesaran Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati kepada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen di-situ istiadat di-Lapau semalam.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan juga mengurniakan bintang yang sama kepada Yang Teramat Mulia Duke of Edinburgh dan Puteri Anne.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen telah mengurniakan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan bintang Order of Knight Grand Cross of St. Michael and Saint George.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan telah menerima bintang Knight Grand

Cross of the Royal Victorian Order dan Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Muda Mohamed Bolkiah telah menerima bintang Commander of the Royal Victorian Order.

Di-istiadat mengurniakan bintang kebesaran di-rumah kediaman Pesuruhjaya Tinggi British, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen telah mengurniakan bintang O.B.E. kepada Pehin Dato Peter Coates kerana jasa-nya kepada kepentingan United Kingdom dan kerana meninggalkan lagi nama baik British dan mengukuhkan perhubungan antara Brunei dan Britain.

Major Henry Haughton dari Askar Melayu Diraja Brunei telah di-kurniakan bintang M.B.E. bahagian tentera kerana sumbangan terkemuka untuk memajukan lagi (LIHAT MUKA 12)



Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja, Dato Seri Utama Awang Haji Md. Zain bin Haji Serudin dalam majlis meraikan kedatangan guru2 dari Singapura dalam bulan Januari yang lalu tidak hanya memberikan petunjuk2 dan tugas2 yang harus di-kerjakan oleh guru2 itu, tetapi sa-chara tidak langsung beliau telah melancarkan perang saraf terhadap guru2 dan penuntut2.

Kesempatan yang telah di-berikan kepada beliau untuk berucap dalam majlis yang di-anjarkan oleh Persatuan Penuntut2 Sekolah Menengah Arab itu telah di-gunakan dengan sa-baik2-nya oleh beliau bagi menanamkan kesadaran untuk benar2 menghargakan sa-suatu yang bernilai.

Mungkin orang tidak banyak yang tahu bahawa beliau ada-lah salah

sa-orang penyaer tempatan yang pada satu ketika dulu segar dan bernafas dengan sajak2-nya yang kadang kala mendindingkan la g u chita2 yang tinggi. Ke-penyaeran beliau, walau pun hanya dalam waktu2 kadang kala sahaja, masih tetap utuh dengan tema chita2 yang luhur. Maka meletus-lah suara hati beliau bila berdepan dengan penuntut2 yang masih rebung dan memerlukan urutan se-

angkat sa-bagai senjata untuk terus melangkah ka-depan. Lahir-lah sa-jak-nya "Rawan dan Rindu".

Untuk menyelami perutusan dari sajak beliau itu, maka ini-lah di-siarkan ulasan terhadapnya yang di-tulis oleh Ak. Mohammad bin Pg. Haji. Abdul Rahman yang juga penyaer tempatan yang terkenal dengan nama pena Zairis M.S.

RAWAN DAN RINDU

*Rawan
Hanya berparoh
Bertinting berjalan jua
Harapan di-daki tiada kechiwa.*

*Di-putikkan
Miris dan tunjong
Bahang suasana keliling
Walau pun paroh mendaki
terus.*

*Purih
Kenali diri
Zaman sentiasa menggugat
Tetapkan iman chorak-lah
zaman.*

*Kini
Bersayap sudah
Teruskan chita mara
Harapan jaya masih jauh.*

*Shukor
Rawan tiada
Harapan di-rindu pula
Dalam rindu senyum-lah
sayang.*

**Perayeran Rangau,
Di-perahu motor sangkut
JHEU No. 2
15-1-1972**

ULASAN SAJAK

CHITA2 DAN HARAPAN DALAM SAJAK

Satu majlis sempena meraikan datang-nya guru2 pinjaman dari Kerajaan Singapura telah di-adakan di-Dewan Sekolah Menengah Arab (Ugama) Raja Isteri Anak Damit. Majlis yang berlangsung pada 16.1.1972 itu ada-lah anjuran Persatuan Penuntut2 Sekolah Arab dan pihak sekolah. Di-mulakan jam 7.30 malam dengan jamuan makan berselerak, di-ikuti dengan berbagai2 acara. Antara-nya ialah ucapan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Hj. Mohd. Zain b. Hj. Serudin, Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Yang Berhormat Dato Pengetua, sa-masa beliau sa-bagai pelajar dahulu pernah aktif dalam persuratan dan lain2 kegiatan, sa-chara tidak di-duga oleh hadirin telah mendeklamasikan sa-buah sajak. Sajak itu penuh pengertian dan ada hubungan-nya dengan sejarah penubuhan Sekolah Menengah Arab (satu2-nya sekolah ugama yang tertinggi sa-takat ini di-Brunei). Untuk tatapan pembaca, perhatikan sajak di-atas.

Sajak lahir dari perasaan dan pemikiran sa-orang penyaer. Kedua2-nya (perasaan dan pemikiran) berpadu hingga bisa melahirkan pengucapan yang kongkrit dan jitu. Semua orang boleh menchipta sajak, tetapi untuk melahirkan sajak yang baik dan berkesan ada-lah perkara sukar. Tema, bentuk, bahasa dan pengolahan sa-buah sajak perlu di-hatikan. Saja-jauh mana sajak di-atas berjaya

mengisi fungsi tersebut mari kita perhatikan dalam analisa sa-lanjut-nya. Demikian penyaer bermadah:

*Rawan
Hanya berparoh
Bertinting berjalan jua
Harapan di-daki tiada kechiwa.*

Bagi saya, sajak di-atas ada-lah berthemakan chita2 dan harapan dalam mencapai suatu matlamat yang tinggi dan luhur. Rangkap pertama telah membayangkan maksud tersebut. Tetapi ka-mana-kah konteks chita2 dan harapan yang di-maksudkan oleh penyaer? Ini perlu di-singkap. Kita telah maklom bahawa sajak ini telah dengan sengaja di-bachakan dihadapan guru2 dan pelajar2 Sekolah Menengah Arab. Jadi dapat-lah di-kesani bahawa objek chita2 dan harapan penyaer tentulah terhadap sekolah dan dan pelajar-nya. Istimewa harapan itu subur dengan tiba-nya guru pinjaman dari Kerajaan Singapura yang telah mula berkhidmat di-sekolah tersebut.

Penyaer membayangkan keterharuan perasaan-nya terhadap masa lalu yang penuh onak dan ranjau di-lalui oleh sekolah ini. (Bertinting berjalan jua/Harapan di-daki tiada kechiwa) membayangkan kesulitan, kerumitan untuk mendapatkan tenaga pengajar bagi sekolah ini. Walau pun dalam kepinchangan itu, namun perjalanan sekolah seperti kegiatan dan kejayaan pelajaran yang di-

perolehi penuntut tidak-lah mengecewakan.

Dengan kesedihan yang menekan, penyaer meneruskan:

*Di-putikkan
Miris dan tunjong
Bahang suasana keliling
Walau pun paroh mendaki
terus.*

Sa-bagai iringan rangkap sabelum-nya, maksud-nya saya kira ada-lah sama, chuma untuk menguatkan imajinasi penyaer terhadap masa lalu. Kelimat (di-putikkan, miris dan tunjong) ada-lah bahasa Brunei yang amat mengharukan perasaan saya. Maksud penyaer, untuk menayakan projek sekolah, segala usaha telah di-lakukan, meski pun dengan memuti2 (dengan segala rendah hati mengharapakan pertolongan orang lain). Tegass-nya, pada masa lalu sekolah ini sentiasa bergantung kepada guru2 kontrek dan guru2 sambilan (part time) yang kadang2 bilangan-nya tiada menchukupi, atau guru2 itu mengundurkan diri silih berganti yang menyebabkan penuntut2 ketiadaan guru untuk beberapa waktu sa-hingga-lah ada pengganti-nya di-dapati. Tetapi keadaan keliling terus memberang-sangkan bagi meneruskan-nya.

Dalam rangkap berikut-nya, penyaer bersuara lantang:

*Purih
Kenali diri
Zaman sentiasa menggugat
Tetapkan iman chorak-lah
zaman.*

Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Hj. Mohd. Zain.

Penyaer sa-olah2 bichara: Pelajar-ku (purih) hendak-lah insaf dan kenalkan diri-mu ka-tengah masharakat. Bahawa zaman sentiasa menggugat, menchabar, yang mesti kau jawab dengan kewibawaan-mu, keperibadian-mu dan kebolehan-mu dalam segala bidang. Meski apa pun rintangan yang akan di-lalui namun tetap-lah iman. Taat kepada Allah, taat kepada raja, taat kepada ketua. Dan dengan kualiti yang ada pada mu berbakti-lah kepada tanah ayer, bangsa dan ugama.

Bagi saya, rangkap di-atas cukup memberi nafas dan jiwa kepada keseluruhan sajak ini, kerana di-dalam sifat-nya yang umum, suara sa-demikian mungkin juga di-tujukan kepada angkatan belia tanah ayer.

Sa-lanjut-nya penyaer bersinandong:

*Kini
Bersayap sudah
Teruskan chita mara
Harapan jaya masih jauh.*

Sekarang kelengkapan sudah cukup (bersayap sudah), guru2 sudah ada, khusus-nya pinjaman dari Kerajaan Singapura. Oleh itu terus-lah dengan gigh mara ka-hadapan. Meski pun kejayaan yang sa-benar-nya masih jauh, tetapi kejayaan itu akhir-nya akan dapat di-chapai perlahan2. Islam sendiri menggalakkan pengantunya berusaha, jangan berpelok tubuh.

Penyaer menutup dengan madah yang harmoni:

*Shukor
Rawan tiada
Harapan di-rindu pula
Da'am rindu senyum-lah
sayang.*

Penyaer menyatakan shukor-nya kepada Allah bahawa kesedihan dan keterharuan tidak lagi berlalutan. Zaman pisimistik (gelap) telah berlalu, kini terbentang dihadapan harapan optimistik (che-
(Lihat Muka 10)

ADA-LAH di-kesahkan bahawa pada suatu hari sedang Khalifah Umar ibnu Al-Khatab r.a. duduk di-hadapan pembesar2 negara, para sahabat, ahli2 fikir dan para cherdekan-dai, tiba2 masok-lah dua orang pemuda dengan mengeret sa-orang pemuda lain ka-dalam majlis tersebut. Sa-telah kedua pemuda itu memberi salam, maka salah sa-orang daripadanya mengadukan hal mereka kepada Khalifah Umar ibnu Al-Khatab dengan kata-nya:

"Ya Amirul Mu'minin, kami berdua ini ada-lah bersaudara kandongan dari sa-orang ayah yang telah tua. Ayah kami itu sangat di-kasih dan di-hormati oleh suku keluarga kami, tiada ada chachat chela dan amat besar jasa-nya kepada kami, kerana ia-nya telah membela dan mendidik kami semanjak kami kechil hingga-lah dewasa ini. Tetapi ya Amir dengan tidak semana2 pemuda ini telah membunuh ayah kami sa-chara kejam dengan tidak sebab yang membolehkan-nya berbuat demikian. Kami datang ka-hadapan tuanku ini untuk menuntut keadilan dan menjatuhkan hukuman kisas (balas nyawa) ka-atas orang yang dzalim ini menurut undang2 di-dalam kitab suchi Al-Quran Al-Karim".

Sa-telah Saidina Umar ibnu Al-Khatab mendengar pengaduan orang itu, lalu di-alih-nya pandangan-nya ka-arrah pemuda yang terdakwa seraya berkata:

"Wahai orang muda, adakah benar tuduhan kedua2 orang ini terhadap diri engkau?"

Pemuda itu menjawab dengan jujur, "Benar segala apa yang di-katakan itu ya Amir, tetapi sa-belum itu biar-lah saya menceritakan perkara yang sa-benar-nya, kemudian terpulang-lah ka-atas kebijaksanaan tuanku menimbang-kan-nya. Sa-benar-nya saya ini sa-orang musafir. Saya mengembara bersama2 sa-kawan unta, di-antara-nya sa-ekor unta jantan yang sangat saya sayangi kerana ia-nya keturunan baka yang baik. Tetapi dengan tidak di-sangka2 telah kelihatan oleh-nya sa-batang dahan pokok yang menjuntai keluar dari pagar kebun orang, lalu di-ragut-nya dahan tersebut dan di-makan-nya, walau pun saya chuba menahan-nya. Dengan tak semana2 sa-orang tua memakik2 kemarahan dan di-tangan-nya ada sa-ketul batu besar, lalu di-limparkan-nya batu itu mengenai betul2 ka-kepala unta saya yang mana menyebabkan unta tersebut rebah lalu mati. d e n g a n tak berfikir panjang lagi, batu itu saya limparkan sa-mula kapada-nya. Saya sama sekali tidak bermaksud hendak membunuh-nya, tetapi kerana ajal-nya memang telah sampai, maka mati-lah ia dengan limpahan batu yang di-pakai-nya untuk melimpur unta saya. Saya terus di-tangkap dan diseret hingga-lah kehadapan tuanku ini".

Sa-telah Khalifah Umar ibnu Al-Khatab mendengar keterangan2 yang di-berikan, maka baginda pun berkata:

"Dengan pengakuan dan keterangan mu, thabit-lah sudah kesalahan kamu, maka hukuman kisas (nyawa di-balas nyawa) akan di-jalankan ka-atas kamu menurut yang di-perundangan oleh shara', kechuali-lah pehak waris-nya bertolak ansur".

Pemuda itu terdakwa itu menjawab: "Sesungguh-nya saya patoh kapada hukuman yang di-tetapan oleh shara', tetapi ya Amir ada satu perkara yang penting yang mana wajib saya sampaikan kapada tuanku. Sa-benar-nya saya ada mempunyai sa-orang adek yang yatim. Almarhum ayah kami ada meninggalkan pesaka harta yang mana di-dalam simpanan saya, harta pesaka tersebut ada tertanam di-sebuah tempat yang tiada sa-orang jua pun mengetahui kechuali saya, maka sekira-nya tuanku membunuh saya sekarang ini, neschaya harta pesaka anak yatim itu hilang dan tuanku-lah yang kelak akan menyebabkan-nya melarat. Dari itu saya merayu meminta tempoh sa-lama tiga hari bagi menyelesaikan perkara harta pesaka anak yatim itu dan menyerahkan-nya kapada orang yang dapat di-amanahkan dan dapat menguruskan-

4,237 orang belajar di-kelas2 dewasa Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 4,237 orang penuntut termasuk 2,866 orang perempuan sekarang menghadhiri kelas2 dewasa Ugama di-seluruh negeri.

Daerah Brunei-Muara adalah yang paling banyak menerima penuntut2 dengan 2,512 orang. Ini di-ikuti oleh Daerah Temburong dengan 653 orang, Daerah Tutong dengan 577 orang, dan Daerah Belait, 495 orang.

Nazir Kelas2 Kelasa Ugama, Dayangku Salmah binte Pengiran Haji Ismail telah menyatakan bahawa sa-ramai 2,581 orang penuntut juga mengikuti kelas membachha Al-Quran di-seluruh negeri.

KESAH KEJUJURAN DAN KESETIAAN SA-ORANG PEMUDA YANG PATUT DI-AMBIL CHONTOH



KHUTBAH JUMA'AT

nya. Saya berjanji akan balek ka-mari untuk menjalani hukuman saya itu dengan rela hati".

Mendengar rayuan i n i, Khalifah Umar ibnu Al-Khatab pun menundukan kepala-nya, kemudian berkata kapada para hadirin: "Siapa-kah sanggup menjamin orang ini sa-hingga ia-nya kembali kamari?".

"Saya sanggup menjamin-nya sa-hingga tempoh tiga hari", sahut Abu Zar Al-Gafari dengan tidak teragak2.

Manakala tempoh tiga hari itu hampir habis, maka kedua adek beradek yang mengadu itu pun hadir dan bertanya kapada Abu Zar: "Manakah orang yang tuan jamin itu sekarang?". Sesungguh-nya kami tidak akan berganjak dari tempat ini sehingga-lah tuan tepati janji tuan itu".

Khalifah Umar pun berkata: "Sekira-nya orang itu tidak datang, neschaya ku jalankan jua hukuman kisas ka-atas penjamin-nya menurut hukum shari'at Islam".

Mendengar kata Khalifah Umar ibnu Al-Khatab itu para hadirin merayu meminta selesaikan perkara bunuh itu dengan diah (bayaran ganti rugi) ka-atas Abu Zar. Tetapi rayuan itu di-tolak oleh pehak waris dan berkeras menuntut nyawa di-balas dengan nyawa.

Sedang majlis dalam keadaan kechoh, pemuda yang ditunggu2 itu pun datang dengan keadaan termengah2

tanda kepenatan. Dia memberi salam dan menyerahkan diri-nya kapada Khalifah serta menerangkan bahawa urusan-nya telah selesai dan mengucapkan shukor dan berterima kasih ka-atas penjamin-nya dan sampai ka-majlis hukum tepat pada waktu-nya.

Semua yang hadir terchen-gang2 dan merasa hairan serta takjub ka-atas keberanian-nya menhadapi maut dan setia-nya kapada janji, pada hal peluang bagi-nya untuk melepaskan diri telah ada. Sa-telah melihat kejujuran pemuda itu, maka kedua adek beradek yang mendakwa tadi sangat hairan dan terharu lalu mereka berkata: "Ya Amirul Mu'minin, demi Allah, pada sa'at ini juga kami terek balek tuntutan kami kapada pemuda yang membunuh ayah kami, kami halalkan darah-nya di-dunia dan akhirat semata2 kerana Allah dan kerana amanah-nya serta kejujuran-nya".

Demikian sa-buah kesah yang berlaku di-zaman Khalifah Umar ibnu Al-Khatab yang m a n a mengandongi chontoh dan tauladan yang amat berfaerah yang mana antara lain mencherminkan kejujuran hati, kesetiaan kapada janji serta sifat amanah baik bagi diri sendiri mahu pun terhadap masyarakat lain. Hendak-nya-lah kita mengambil iktibar dan pengajaran sa-bagaimana yang telah di-kesahkan.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 1hb. Mach, 1972 hingga ka-hari Selasa 7hb. Mach, 1972 ada-lah saperti di-bawah ini:-

Bulan Hari	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Terbit Matahari
1 Mach	12-38	3-57	6-38	7-49	5-01	5-16	6-31
2 Mach	12-38	3-57	6-38	7-49	5-01	5-16	6-31
3 Mach	12-38	3-57	6-38	7-49	5-01	5-16	6-31
4 Mach	12-38	3-57	6-38	7-49	5-01	5-16	6-31
5 Mach	12-38	3-57	6-38	7-49	5-01	5-16	6-31
6 Mach	12-37	3-56	6-37	7-48	5-00	5-14	6-29
7 Mach	12-37	3-56	6-37	7-48	5-00	5-14	6-29

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

PELITA BRUNEI

(1hb. Mach, 1972).

GAMBARAN KEKUKOHAN PERSAHABATAN

DULI Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei ketika bertitah mengalu2kan keberangkatan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen Elizabeth II semalam telah mensifatkan kunjungan Baginda itu sebagai satu bukti kekukohan persahabatan antara Britain dan Brunei.

Baginda menekankan bahawa kemerseraan persahabatan di antara negara dan rakyat Brunei dengan negara dan rakyat Britain telah terchatat dalam sejarah, tertasdek pada hakikat dan terbukti pada pelaksanaan-nya yang sudah lebeh 100 tahun lama-nya. Baginda berharap supaya persahabatan yang sangat rapat ini akan berjalan terus dengan kekal abadi.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen Elizabeth juga mengakui akan hubungan persahabatan yang sudah lama itu dengan menitahkan bahawa ia-nya telah di-ikat dengan ada-nya shara2 perjanjian yang rasmi yang telah berjalan lebeh satu kurun lama-nya.

Persahabatan itu, menurut Baginda, telah dapat di-kukuhkan lagi berikutan dengan perjanjian yang terbaharu sekali yang di-tandatangani dalam bulan November tahun lepas yang tujuan besar-nya ia-lah untuk mengukuhkan lagi tali persahabatan di-antara dua buah negara tersebut.


Pertolongan2 yang pernah di-hulurkan oleh Britain terhadap Brunei, khas-nya untuk membantu melipat-gandakan usaha2 pembangunan negeri ini adalah satu sumbangan yang amat berharga dan sa-memang-nya di-hargai oleh Kerajaan Duli Yang Maha Mulia dan rakyat Brunei sendiri.

Penghargaan ini ternyata bilamana D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan bertitah tentang keadaan Brunei sekarang yang kedudukan-nya di-akui kecil tetapi merupakan salah sa-buah negara yang mewah dalam lingkungan komenwel.

Dengan pertolongan yang jujur dari rakyat Baginda Queen yang datang ka-negeri ini untuk berkhidmat, maka kemajuan yang pesat telah dapat di-ujudkan yang meliputi kapada berbaga2 aspek kemajuan dan perkembangan negara.

Perkhidmatan yang jujur yang sabenar2-nya untuk membantu membangun negara dan bangsa Brunei supaya sa-jajar dengan negara2 yang lain adalah sa-laras dengan hasrat D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan rakyat Baginda.

Sa-tiap perkhidmatan yang jujur itu, walau di-berikan oleh siapa pun, neschaya akan terpatat dalam ingatan kita sa-bagai sifat orang2 Brunei yang tulin yang pantang mendustakan jasa baik orang, apa lagi jika ia-nya di-sertai dengan bukti2 yang nyata.



Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen di-ikuti oleh suami Baginda Yang Teramat Mulia Prince Philip dan anakda Baginda, Princess Anne turun dari kapal diraja Britaina menuju ka-kereta yang membawa Baginda dan keluarga diraja ka-Bandar Seri Begawan bagi memulakan lawatan baginda sa-lama 14 jam ka-negeri ini.



Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen kelihatan turun dari tamaban di-Datu Gandhi ka-kenaikan khas yang membawa Baginda dan rombongan melalui Sungai Brunei menuju ka-Dermaga Kastam Diraja di-mana keberangkatan tiba Baginda dan rombongan di-sambut oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei dan keluarga di-raja Brunei.



Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen berdiri tegak sementara Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan pembesar2 negara membalas tabek di-upachara perbarisan bagi mengalu2kan keberangkatan tiba D.Y.M.M. Baginda Queen dan rombongan di-Dermaga Kastam Diraja Bandar Seri Begawan.

Ini ada-lah sa-bahagian dari perahu2 Yang Di-Muliakan Pehin2 dan Menteri2 yang mengiringi kenaikan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen dan rombongan dari Datu Gandhi hingga ka-Dermaga Kastam Diraja Bandar Seri Begawan.

Keberangku



Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen kelihatan sedang tiba Baginda oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei dan keluarga di-raja Brunei.



D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei dan keluarga di-raja Brunei.




BAGINDA QUEEN DI-ARAK DENGAN USONGAN



Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen dengan di-iringi oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan ketika berangkat tiba di-Dewan Majlis untuk berehat sebentar sa-belum berangkat ka-Lapau untuk Istiadat Mengadap (gambar atas).


Sa-bahagian dari beribu2 orang dari berbagai bangsa yang telah membanjiri di-sepanjang jalan dari Dermaga Kastam Diraja hingga ka-Jalan Tutong. Mereka telah berpusu2 sejak awal pagi di-sepanjang jalan yang di-lalui oleh usongan yang membawa pelawat2 diraja untuk melihat wajah keluarga diraja British itu sa-chara dekat (gambar kanan).



Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen, Prince Philip, dan Princess Anne ketika di-arak di-atas usongan dari Dermaga Kastam Diraja menuju ka-Lapau untuk Istiadat Mengadap. Turut mengiringi Baginda di-atas usongan itu ialah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Suri Begawan Raja dan Yang Teramat Mulia Pg. Anak Puteri Masna, (gambar atas kiri).

Usongan yang membawa Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen dan kerabat2 diraja dengan di-iringi oleh alat2 kebesaran Diraja berjalan perlahan2 melalui Jalan Sultan menuju ka-Lapau (gambar atas).





Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen senyum girang ketika menerima Bintang Kebesaran Darjah Kerabat Brunei Yang Amat Di-Hormati yang di-anugerahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei sa-bagai menghormati lawatan Baginda ka-negeri ini. D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan kelihatan duduk di-sabelah kiri Baginda.



Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan menerima bintang 'Knight Grand Cross of the Royal Victorian Order' yang di-anugerahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen. Dudok di-sabelah kiri ia-lah Y.T.M. Seri Paduka Duli Pg. Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Muda Mohammad Bolkiah yang telah menerima Bintang 'Commander of the Royal Victorian Order' dari Baginda Queen.



Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen dengan di-iringi oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei berangkat meninggalkan Lapau menuju ka-Istana Darul Hana sa-telah selesai Istiadat Mengadap.

D. Y. M. M. BAGINDA QUEEN DI-KURNIAKAN DARJAH KERABAT BRUNEI YANG AMAT DI-HORMATI



Perwira Pengiring Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen sedang menyempahkan Bintang 'Order of Knight Grand Cross of St. Michael and St. George' kepada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei sa-bagai membalas pengurniaan Baginda.



Yang Teramat Mulia Prince Philip, Duke of Edinburgh ketika menerima Bintang Kebesaran 'Darjah Kerabat Brunei Yang Amat Di-Hormati' yang telah di-kurniakan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan kepada Yang Teramat Mulia itu di-Istiadat Mengadap di-Lapau, Bandar Seri Begawan.

D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Queen dan D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan berada di-Muzium untuk upacara pembukaan rasmi muzium tersebut. Turut hadir di-upacara tersebut ia-lah Y.T.M. Prince Philip, Duke of Edinburgh, D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan, Penasehat Umum Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan, Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah wal-Waqar Muda Mohammad Bolkiah dan pembesar2 negara.



Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen dan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei ketika bersemayam di-atas Pataratna Lapau ketika Istiadat Mengadap bagi mengalu2kan keberangkatan D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Queen dan rombongan ka-Brunei.



Dalam lawatan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen sa-lama 14 jam ka-negeri ini, Baginda telah sempat melawat ka-Muzium Peringatan Churchill dan Mesjid Omar Ali Saifuddin. Gambar atas kelihatan D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Queen dengan di-iringi oleh D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan kelihatan di-alu2kan oleh Timbalan Setia Usaha Agong Jawatankuasa Tertinggi Perayaan Keberangkatan D.Y.M.M. Baginda Queen ka-Brunei, Y.B. Awang Hj. Abdul Aziz Umar, Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain (di-kiri sekali) dan Yang Di-Muliakan Pehin Datu Seri Maharaja (di-sabelah kanan).



Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen dengan di-iringi oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan ketika berangkat tiba di-pekarangan Muzium Peringatan Churchill untuk mengadakan lawatan ka-situ.

Turut hadir di-upacara pembukaan rasmi Muzium Brunei itu ia-lah Yang Teramat Mulia Princess Anne, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Masna.

BAGINDA QUEEN MELAWAT MUZIUM PERINGATAN CHURCHILL DAN MESJID OMAR ALI SAIFUDDIN



Sa-telah merasmikan pembukaan bangunan Muzium Brunei yang baru di-Kota Batu, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen berserta rombongan diraja berangkat pula ka-rumah kediaman Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British, Awang Peter Gautrey untuk menghadiri jamuan bagi warganegara British. Di-majlis itu juga Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen telah mengurniakan bintang2 kebesaran British (gambar atas kiri).



Di-sepanjang lawatan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen ka-Mesjid Omar Ali Saifuddin itu, Baginda telah di-beri penerangan oleh Pengetua Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain. Gambar atas kanan kelihatan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen sedang ashek memerhatikan keindahan bentok ukiran di-dalam mesjid tersebut.



Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen ketika turun dari kereta untuk melawat ka-Muzium Peringatan Churchill. Bersama2 Baginda ia-lah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei (kelihatan di-sabelah kanan sekali.)

Yang Teramat Mulia Princess Anne menandatangani buku pelawat ketika Yang Teramat Mulia itu bersama2 bonda-nya Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen dan ayahanda-nya, Yang Teramat Mulia Prince Philip melawat Mesjid Omar Ali Saifuddin di-Bandar Seri Begawan.



tan tiba D.Y.M.M. Baginda Queen di-Dermaga Pelabohan Muara



Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen di-perkenalkan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan kepada Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan sa-jurus sa-telah keberangkatan tiba D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Queen di-Dermaga Kastam Diraja. Di-sabelah kanan sedang memerhati ia-lah D.Y.T.M. Paduka Seri Suri Begawan Raja dan Y.T.M. Pg. Anak Puteri Masna.




Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan berjabat salam dengan Yang Teramat Mulia Princess Anne sa-jurus keberangkatan tiba keluarga diraja itu di-Dermaga Kastam Diraja sambil di-perhatikan oleh D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Queen, Lord Mountbatten (di-tengah2) dan Yang Teramat Mulia Prince Philip.

Paduka Seri Baginda di-umumkan keberangkatan Yang Maha Mulia Paduka di-Dermaga Kastam Diraja Mengikuti di-belakang Barung Teramat Mulia Prince

Kapal Diraja H.M.Y. Britannia yang membawa Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen dan rombongan bertambat di-Dermaga Pelabohan Muara yang baru. Kapal Diraja Britannia ada-lah yang pertama merapat di-Dermaga Pelabohan Muara yang maseh dalam pembinaan itu.



Baginda Queen dengan di-iringi oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan sedang memeriksa barisan kehormatan yang ter-Melayu Diraja Brunei di-bawah perintah Major Pengiran Dato Pengiran Dato Penghulu Pengiran Haji Apong.



Dari sejak awal2 lagi Dermaga Pelabohan Muara telah di-banjiri oleh orang ramai dari berbilang kaum. Mereka datang bukan hanya dari sekitar pekan Muara bahkan ada yang datang dari Kuala Belait, Seria dan Bandar Seri Begawan untuk melihat wajah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen. Bilangan yang datang membunjiri Dermaga itu di-taksirkan tidak kurang dari 5,000 orang (gambar atas).



JAWATAN-JAWATAN KOSONG

Penterjemah Inggeris / Melayu

Permohonan2 ada-lah di-pelawa bagi memenohi jawatan sa-bagai Penterjemah Inggeris/Melayu dalam Perkhidmatan Kerajaan Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah bangsa Melayu, dan telah lulus Sijil Persekolahan Seberang Laut, dan lulus sekurang2-nya darjah VI Sekolah Melayu. Chalun2 hendak-lah boleh membaca dan menulis tulisan Jawi.

Gaji:

Gaji bagi jawatan ini ia-lah dalam tingkatan \$410x20-510/EB/540x20-660 atau dalam tingkatan S710x30-950. Tingkatan gaji yang

di-pakai dan gaji permulaan akan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman bagi pemohon2 yang berjaya.

Sharat2 Lantikan:

Chalun2 yang berjaya akan bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantik sa-chara berkontrek selama 3 tahun termasuk masa perchubuan sa-lama 6 bulan. Bagi chalun2 yang berjaya yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantik ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perchubuan.

Bakis:

Bagi sa-orang chalun yang di-lantik sa-chara berkontrek, bakis sa-banyak 12% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Bakis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Chukai Pendapatan:

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei. Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 aklan dan sijil2 kapada-nya tidak lewat daripada 23hb. Mach, 1972.

Penjaga Malam

Permohonan2 ada-lah di-pelawa dari chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 sa-bagai Penjaga Malam di-Jabatan Perikanan Negara, Brunei.

Umor:

Pemohon2 mesti-lah berumur di-antara 30 hingga 40.

Tugas2:

Chalun2 yang berjaya akan di-kehendaki bekerja dari jam 5.00 petang hingga 7.00 pagi.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F 1 —\$180x 5-195.

Kelayakan2:

Hanya mereka2 yang tinggal berdekatan dengan kolam Ikan Sungai Jambu di-kehendaki memohon.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei, dan hendak-lah di-kembalikan kapada-nya tidak lewat daripada 18hb. Mach, 1972.

Sa-bagai Kerani Penjalan Mesin

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 perempuan yang terdiri raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan sa-bagai Kerani Penjalan Mesin (punch) di-Pejabat Setia Usaha Kerajaan (Bahagian Ekonomi), Brunei.

Kelayakan2:

- Pemohon2 mesti-lah lulus Peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran (L.C.E.) atau yang sebanding dengan nya.
- Chalun2 ada-lah di-kehendaki lulus dalam satu Ujian Kecondongan (Aptitude Test) yang akan di-anjarkan oleh Bahagian Ekonomi dan

Perangka'an, Jabatan Setia Usaha Kerajaan.

- Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang mempunyai pengalaman dalam kerja mesin punch tersebut.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D. 1-2-3 EB 4 — \$230x10 — 290x15-380 — 410x 20 — 510/EB/540x20 — 660 sabulan.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei, dan hendak-lah di-kembalikan kapada-nya tidak lewat daripada 24hb. Mach, 1972.

Kursus Pertanian di-Kolej Pertanian Malaya, 1972/73

Chalun2 yang dapat memenohi sharat2 dermasiswa Kerajaan Brunei ada-lah di-pelawa memohon untuk memasoki kursus Pertanian di-Kolej Pertanian Malaya bagi tahun Pengajian 1972/73.

- Untuk di-pertimbangkan masok ka- **KURSUS DIPLOMA PERTANIAN** (3 tahun).

- Sa-seorang chalun mesti-lah mempunyai kelulusan Pangkat I atau II, Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Persekolahan Cambridge dengan mendapat keputusan2 di-dalam peperiksaan:
 - Kepujian dalam Bahasa Melayu
 - Lulus dalam Bahasa Inggeris
 - Kepujian dalam Ilmu Hisab
 - Lulus dalam Sains Am

- Mempunyai kelulusan dalam peperiksaan yang sama tarafnya atau pun lebih tinggi sa-bagaimana yang di-sebutkan dalam sharat (a) di atas yang di-akui oleh Lembaga Pengajian, Kolej Pertanian Malaya.

- Berumur tidak kurang dari 17 tahun

- Untuk di-pertimbangkan masok ka- **KURSUS PENDAHULUAN** (1 tahun)

- Chalun2 mesti-lah mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia/

Sijil Persekolahan Cambridge serta mendapat kepujian dalam Bahasa Melayu dan/atau lulus dalam Bahasa Inggeris.

- Mesti-lah berumur tidak kurang dari 16 tahun.

Sa-telah tamat dengan jayanya di-dalam Kursus Pendahuluan ini, penuntut2 akan melanjutkan pelajaran-nya ka-Tahun Pertama Kursus Diploma Pertanian.

- Chalun2 mesti-lah di-akui sehat oleh doktor untuk mengikut kursus Pertanian.

- Borang permohonan dan lain2 perkara yang berkaitan boleh di-dapati daripada Pegawai Dermasiswa dan Kesejahteraan, Ibu Pejabat, Jabatan Pelajaran, Brunei.

- Tarikh tutup bagi penerimaan permohonan ia-lah 10 hari sa-lepas pengumuman resmi keputusan peperiksaan SPM/MCE tahun 1971 yang akan di-ketahui tidak lama lagi. Permohonan2 yang lewat tidak akan di-layan.

- Chalun2 yang layak akan di-tapis (shortlisted) terlebih dahulu oleh pihak berkuasa kolej sa-lepas itu baru-lah di-panggil untuk di-temu duga pada suatu masa yang akan di-beritahu kelak.

(Hamdani Haji Abd. Rahman), b/p. Pengarah Pelajaran, Brunei.

Chita2 dan harapan dalam sajak

(Dari Muka 2)

rah). Saya chupuk tertarek dengan gaya penyaer menutup keseluruhan sajak-nya dengan rangkap di atas. Penyaer dapat menjelaskan sikap negetip (rawan) dan sikap positif (rindu) dalam sajak ini, sesuai dengan tema dan tajok-nya. Saya katakan negetip kerana perasaan rawan itu tidak dapat bertindak sa-lain hanya suatu kenangan. Sedangkan rindu pula bersifat positif, kerana ia dapat bertindak untuk mencapai apa yang di-rindui-nya. Dalam konteks ini, yang di-maksudkan dengan rindu itu ia-lah chita2 dan masa depan gemilang Sekolah Menengah Arab serta pelajar-nya.

Dengan ikhlas saya mengatakan bahawa sajak ini ada-lah baik kerana ia mempunyai tema dan objek yang tertentu. Bentuk-nya bebas dari segi irama, tetapi penyaer masah dapat mengawal rangkanya. Bahasa-nya bagi saya sesuai benar dengan suasana Brunei, sebab perkataan2 seperti: tinting, putik, miris, tunjung dan purih hanya di-fahami oleh raayat Brunei. Tapi saya yakin penyaer melakukan ini dengan sadar, kerana penyaer ingin menimbolkan bahasa Brunei dalam sastera tanah ayer. Pengolahan sajak ini pula baik, sebab ia dapat merangkum tiga zaman dalam sa-buah sajak ia-itu: masa lalu, masa kini, dan masa tiba, mengikut susunan yang sa-wajar-nya.

Sekian, dan sa-kalong bunga untuk penyaer.

Oleh:

Ak. Mohammad b. Pg. Hj. Abd. Rahman.

SI-TUYU oleh: m. salleh ibrahim



KENYATAAN2 PEGAWAI PENGUASA WARITH NEGERI BRUNEI

SURAT KUASA PESAKA

No. B/LA/13/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Haji Ishak bin Md. Rais @ Hj. Ibrahim, d/a Kampong Saba Darat 'A', Bandar Seri Begawan, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Haji Md. Rais bin Lakim yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan, pada 4 hari-bulan Mach, 1972 pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh tersebut di-atas.

Bertarikh 24 haribulan Februari, 1972.

SURAT KUASA PESAKA

No. B/LA/14/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Shawal bin Hj. Nassar, No. 18, Kampong Beribi, Gadong, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Haji Nassar bin Pua yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan, pada 4 hari-bulan Mach, 1972 pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh tersebut di-atas.

Bertarikh 24 haribulan Februari, 1972.

SURAT KUASA PESAKA

No. B/LA/15/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Awang Mail bin Langar @ Asamil, d/a No. 74, Kampong Sengkurong 'A', Batu 10, Jalan Tutong, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Dayang Salam bte. Tahamit yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan, pada 4 hari-bulan Mach 1972 pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

daki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh tersebut di-atas.

Bertarikh 24 haribulan Februari, 1972.

SURAT KUASA PESAKA

No. B/LA/16/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Awang Abdullah bin Haji Awang Halus, d/a Pejabat Perikanan, Bandar Seri Begawan, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Haji Halus bin Abdul Samad yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan, pada 4 hari-bulan Mach, 1972 pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh tersebut di-atas.

Bertarikh 24 haribulan Februari, 1972.

SURAT KUASA PESAKA

No. B/LA/17/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Awg. Sulaiman bin Abd. Hamid, d/a Jabatan Kehakiman, Bandar Seri Begawan, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Davang Puteh binte Ajak yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan, pada 4 hari-bulan Mach, 1972 pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 24 haribulan Februari, 1972.

SURAT KUASA PESAKA

No. B/LA/18/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dayang Fatimah binte Ligan, d/a Rumah No. LB 663, Kampong Kumbang Pasang, Bandar Seri Begawan, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta

pesaka yang di-punyai oleh Ali Ahmad bin Mohamad Daud yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah balu kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan, pada 4 hari-bulan Mach, 1972 pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 24 haribulan Februari, 1972.

SURAT KUASA PESAKA

No. B/LA/19/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dayang Laki bte. Muamat, d/a Kampong Batong, Limau Manis, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Gapor bin Pandi yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah balu kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan, pada 4 hari-bulan Mach, 1972 pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 24 haribulan Februari, 1972.

No. B/LA/20/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Simpong bin Sabtu, No. 1, Kampong Pengkalang Batu, Limau Manis, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Sabtu bin Bungsu yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan, pada 4 hari-bulan Mach, 1972 pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 24 haribulan Februari, 1972.

SURAT KUASA PESAKA

No. B/LA/21/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Teo Guan Hock, c/o M/s. Yong Wong & Chin, No. 413, Buru-Guru Bldg., P.O. Box No. 615, Bandar Seri Begawan, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Teo Guan Chye yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah abang kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan, pada 4 hari-bulan Mach, 1972 pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 24 haribulan Februari, 1972.

SURAT KUASA PESAKA

No. B/LA/22/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Mohammad bin Ibrahim, No. 23, Kampong Kiulap, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Dayang Tuah bte. Mohammad Tahir yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah suami kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan, pada 4 hari-bulan Mach, 1972 pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 24 haribulan Februari, 1972.

CHARLIE FOO CHEE TUNG,
Pegawai Penguasa Warith.
Negeri Brunei.

Sambutan Awal Muharram 1392

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pelajar2 Sekolah Ugama Kampong Lurong Dalam dan penduduk2 di-kampong itu akan mengadakan sambutan Awal bulan Muharram pada hari Khamis ini, mulai pukul 7.00 malam, di-bangunan sekolah itu.

Majlis akan di-rasmikan pembukaan-nya oleh Pengetua Pegawai Hal-Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja, Dato Seri Utama Awang Haji Md. Zain.

Antara acara2 yang akan diadakan dalam sambutan itu ia-lah peraduan2 membaca kitab suci Al-Quran; membaca sajak dan menduga kecekapan akal pelajar2 sekolah itu.



D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Queen Elizabeth II.

BAGINDA QUEEN MERASA KAGUM TENTANG KEINDAHAN MUZIUM

BANDAR SERI BEGAWAN. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen bertitah, bilek2 pameran Muzium Brunei yang luas itu akan menjadi tempat yang sangat sesuai bagi mempamerkan chontoh2 kesenian dan kebudayaan Brunei yang kaya itu.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen telah bertitah sa-belum merasmikan pembukaan Muzium Brunei di-Kota Batu petang semalam.

Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen telah mengucapkan tahniah kepada semua orang yang merancang dan membina bangunan yang indah itu dan menyatakan pendapat baginda bahawa ada-lah sesuai Muzium itu di-bina di atas tapak ibu Negeri Brunei yang tua. Duli Yang Maha Mulia bertitah,

banyak yang terdapat dalam Muzium itu untuk mengingatkan rayat Brunei tentang kebesaran di-masa lampau yang sa-sungguhnya menjadi warisan mereka.

Terdahulu dari itu Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei bertitah bahawa kesudian Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen merasmikan pembukaan Muzium itu adalah merupakan satu bukti lagi di-segi persahabatan yang erat dan mesera di-antara Great Britain dan Brunei yang mana akan di-chatat dalam sejarah.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan bertitah, tujuan Muzium itu bukan sahaja memelihara dan mempamerkan chontoh2 pertukangan tangan tempatan tetapi juga di-harapkan menjadi sumber pelajaran dan akan memberi chontoh tauladan yang bernilai tinggi kepada kita semua dan kepada keturunan di-masa2 yang akan datang.

Sa-lepas merasmikan pembukaan Muzium itu, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen telah di-hadiahkan dengan sa-buah bedil, pedang dan chanang.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen dan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei, Yang Teramat Mulia Duke of Edinburgh, Princess Anne, Lord Mountbatten, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan dan lain2 pembesar kemudiannya telah melawat ka-bilek2 pameran dan menyaksikan berbagai2 barang yang di-pamerkan.

Terdahulu dari itu pada tengah hari-nya, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen di-seritai oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei dan rombongan Diraja telah melawat Muzium Peringatan Churchill dan Mesjid Omar Ali Saifuddin.

PERSAHABATAN BRUNEI / BRITAIN TAMBAH ERAT

(DARI MUKA 1)

Baginda bertitah bahawa sa-bagai memperingati keberangkatan itu, Kerajaan Brunei telah memperuntukkan sa-jumlah satu juta ringgit wang Brunei untuk satu projek yang sesuai di-Britain yang akan dapat di-gunakan oleh penduduk2 di-Britain dan pelawat2 dari Brunei.

Baginda sekali lagi menyatakan sa-tinggi2 penghargaan atas kesudian keberangkatan keluarga Diraja British itu ka-Brunei yang julong2 kali-nya di-adakan oleh sa-orang Raja yang memerintah United Kingdom.

Baginda mendo'akan supaya keberangkatan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen dan rombongan sa-terus-nya akan sentiasa mendapat kesempurnaan serta keselamatan.

Dalam titah balasan, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen telah menyatakan kegembiraan Baginda bilamana melihat tentang banyak-nya tanda2 kemakmoran yang telah di-chapai Brunei sa-jauh ini.

Baginda yakin bahawa kemajuan dan kemakmoran yang telah di-chapai oleh Brunei itu tidak akan terlaksana tanpa keamanan dan kesetabilan.

Baginda Queen Elizabeth juga telah bertitah mengenai tali persahabatan yang sudah lama wujud di-antara Brunei dan Great Britain.

Baginda bertitah bahawa dua buah negara itu telah di-ikat oleh sharat2 perjanjian yang rasmi yang berjalan lebih dari satu kurun lama-nya.

Perjanjian yang terbaharu sekali yang telah di-tandatangani dalam bulan November tahun lepas, titah Baginda, ada-lah bertujuan untuk mengukuhkan lagi tali persahabatan di-antara dua buah negara itu.

Baginda juga telah mengucapkan terima kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei atas kemurahan hati Kerajaan Brunei pada memberikan peruntukan sa-banyak satu juta ringgit bagi satu projek yang juga menurut Baginda akan memberikan faedah kepada rayat Brunei dan Britain.

Pengurniaan Bintang2

(Dari Muka 1)

pasokan Askar Melayu Diraja Brunei dan meninggalkan lagi nama baik tentera British dengan kerja dan tauladan yang di-berikan.

Awang Sinna Palaniandy di-kurniakan bintang M.B.E. bahagian awam kerana perkhidmatan kepada kepentingan United Kingdom dan meninggikan lagi pengaruh British dengan sumbangan-nya dalam kerja2 sukarela kebajikan.

Master Pilot Alexander Riddoh di-kurniakan bintang Air Force Cross dan Sergeant Michael Birley di-kurniakan Pingat Angkatan Udara kerana keberanian.

Penolong Pesuruhjaya Polis, Dato Awang Charles Miller di-kurniakan Queen Police Medal kerana perkhidmatan-nya yang luar biasa dan terkemuka kedua2-nya dalam chawangan khas Malaysia dan Brunei, dan dalam tugas2 pentadbiran di-Ibu Pejabat Polis Brunei.

Baginda Queen kurniakan bintang2

BANDAR SERI BEGAWAN. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen telah mengurniakan bintang2 kepada 11 orang semasa lawatan baginda ka-Brunei.

Penasihat Umum Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Seri Utama Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Menteri Dato Laila Utama Haji Ibrahim dan Setiausaha Sulit Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Jaya Pengiran Haji Abdul Momin bin Pengiran Othman telah di-kurniakan dengan bintang Commander of the Victorian Order, C.V.O.

Enam orang telah di-kurniakan dengan bintang Member of the Royal Victorian Order, M.V.O.

Mereka itu ia-lah Setiausaha Kerajaan, Yang Amat Mulia Pengi-

ran Dipa Negara Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail; Yang Amat Mulia Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana, Pengiran Haji Mokhtar Puteh bin Pengiran Haji Rajid; Pengerusi Surohjanjaya Perkhidmatan Awam, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laksamana Dato Seri Utama Haji Abdul Rahman bin Pehin Orang Kaya Shahbandar Haji Mohamed Taha; Ketua Protokol, Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Penggawa Laila Bentara Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Abbas Al-Sufri; Penolong Pesuruhjaya Polis, Dato C.T. Miller dan Major Chignell dari Askar Melayu Diraja Brunei.

Tiga orang pemandu kepada tetamu2 diraja telah menerima pingat Royal Victorian Medal (Perak).

Mereka ia-lah Awang Ibrahim Sunggoh, Awang Wasul Fallah bin Husein dan Awang Ahmad bin Tamin.

BERIBU2 RAAYAT MENGALU2KAN BAGINDA QUEEN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Beribu2 orang rayat dan penduduk negeri ini telah membantiri Bandar Seri Begawan untuk mengalu2kan dan melihat wajah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen Elizabeth II, suami Baginda dan anak2 Baginda Princess Anne sa-masa lawatan Diraja itu ka-negeri ini semalam.

Sejak pagi2 lagi, orang ramai telah berduyun2 menchari tempat2 yang sesuai untuk melihat sa-chara dekat wajah2 keluarga Diraja British itu.

Di-kaki lima kedai dan di-tepi2 jalan serta di-bangunan2 Jabatan Setia Usaha Kerajaan dan Pejabat Pos telah di-tumpati oleh manusia tua muda dan kanak2.

Kira2 sa-jam sa-belum ketibaan rombongan Diraja itu di-Dermaga Kastam Bandar Seri Begawan, orang ramai mula merempoh ka-tepi2 jalan raya yang akan di-lalui oleh usongan yang membawa rombongan Diraja itu.

Di-Dermaga Pelabohan Baru Muara, beribu2 manusia juga membantiri tebing Pekan Muara dan di-tepi2 Dermaga itu untuk melihat wajah Baginda Queen, suami Baginda dan anak2 Baginda ketika turun dari Kapal Diraja Britannia.

Pekan Muara juga di-penuhi dengan kenderaan2 beraneka rupa, sementara kanak2 sekolah berbaris di-tebi2 jalan bagi mengucapkan selamat datang kepada pelawat2 Diraja itu.

Laungan selamat datang kepada pelawat2 Diraja itu tidak hanya bergema dari suara kanak2 sekolah, tetapi juga di-kalangan penduduk2 Pekan Muara dan sekitarnya yang berpusu2 di-tepi2 jalan raya.

Pemberita kita melaporkan, orang ramai yang membantiri Pekan Muara pada ketika itu tidak hanya terdiri dari penduduk2 Muara dan sekitar-nya, tetapi juga yang datang dari Bandar Seri Begawan, Daerah Tutong, Daerah Belait dan juga dari Daerah Temburong.

Baik di-Bandar Seri Begawan mahu pun di-Pekan Muara, manusia yang ramai itu tidak hanya terdiri dari masyarakat Brunei, tetapi juga dari masyarakat asing, khas-nya dari orang2 Eropah sendiri yang berkecintaan juga untuk melihat raja mereka itu.

Menurut kacha-mata pemberita kita, masyarakat Brunei dan masyarakat Eropah itu bahu membahu menchari tempat2 yang sesuai dan kedua belah pihak kelihatan bagitu mesra dengan senyum dan gelak ketawa, khas-nya di-kalangan anak2, walau pun chahaya mata hari terik.

Di-antara mereka itu ada-lah terdiri dari pelanchong2 luar negeri yang menghaja berhijrah ka-negeri ini untuk melihat keindahan Brunei di-kala Baginda Queen berangkat.

Sa-tengah2-nya pula memuji:

"Sambutan di-Brunei amat luar biasa".

Kapal Diraja Britannia yang membawa rombongan Diraja itu merapat di-Dermaga Pelabohan Baru Muara tepat jam 9.00 pagi. Ketika masuk melalui terusan pelabohan itu, kapal Diraja itu di-iringi oleh tujuh buah kapal AMDB dan beberapa buah helikopter yang terbang rendah.

Menunggu di-Dermaga tersebut untuk mengalu2kan Baginda Queen dan rombongan ia-lah Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei, Awang Peter Gautrey dan isteri serta Ketua Protokol, Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Penggawa Laila Bentara Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Abbas Al-Sufri.

Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen Elizabeth, suami Baginda dan anak2 Baginda kelihatan tersenyum girang sambil melambai2kan tangan sa-bagai membalas ucapan selamat datang dari kira2 lima ribu orang yang membantiri dermaga tersebut.

Turun dari kapal menuju ka-kenderaan khas, rombongan Diraja itu di-sambut dengan hampanan permaidani merah. Kemudian rombongan itu berangkat ka-Datu Gandi untuk menaiki kenaikan melalui Sungai Brunei dengan di-iringi oleh perahu menteri2 yang mengibarkan bendera masing2 dan melintasi Kampong Ayer menuju ka-Dermaga Kastam Bandar Seri Begawan.